

**Komuniti 1Malaysia Pemangkin Semangat Kesukarelaan Masyarakat
Bernama
Mei 02, 2012
Oleh Mohamad Bakri Darus**

KOTA BAHARU, 2 Mei (Bernama) -- Komuniti 1Malaysia Negeri Kelantan (K1M Kelantan) sudah bersedia menyemarakkan lagi semangat 1Malaysia ke tahap berbeza termasuk melalui aktiviti berasaskan integrasi sosial, ekonomi, teknologi maklumat, kesenian dan kebudayaan.

Dalam gambaran yang lebih besar, K1M Kelantan adalah satu wadah yang dapat meluaskan lagi perkongsian maklumat dan kefahaman dalam pelbagai bidang, atas inisiatif yang diusahakan oleh kerajaan bagi membantu masyarakat

K1M Kelantan yang dijadual dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Jumaat (4 Mei) di Gua Musang, diselidikan oleh Jabatan Penerangan dengan matlamat menggalakkan perpaduan dalam komuniti berbeza melalui kesukarelaan dan pengetahuan.

SATU MUKIM SATU KOMUNITI 1MALAYSIA

Pengarah Jabatan Penerangan Kelantan Ramli Yusof berkata penubuhan K1M adalah berdasarkan konsep 'Satu Mukim Satu Komuniti 1Malaysia' dengan tumpuan diberi kepada petempatan pelbagai kaum seperti taman perumahan, kampung baharu, estet, pos petempatan Orang Asli dan kawasan rancangan kemajuan tanah.

Ramli berkata semua aktiviti dilaksanakan melalui lima bidang -- Pembangunan Ketahanan dan Perpaduan Nasional (Rakan Padu), Pembangunan Sosio Ekonomi (Rakan Usahawan), Perkongsian Maklumat (Rakan IT, Kebudayaan dan Kesenian (RakanBudaya) dan Interaksi Sosial dikenali sebagai (Rakan Harmoni).

Beliau berkata Rakan Padu, bertujuan memperkukuh semangat patriotik dan perpaduan bagi membina ketahanan nasional dalam kalangan rakyat tanpa mengira fahaman politik, agama dan bangsa.

Pembentukan jawatankuasa Rakan Padu melibatkan anggota jawatankuasa K1M, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela), Rukun Tetangga, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam), pengerusi persatuan penduduk, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain yang berkaitan.

Antara bidang tugas Rakan Padu ialah mengenal pasti isu-isu setempat, memberi maklum balas dengan kadar segera ke atas isu-isu yang dikenal pasti, membantu melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan dan perpaduan seperti semarak merdeka, aktiviti kenegaraan, taklimat isu semasa, ceramah dan dialog.

RAKAN USAHAWAN

Rakan Usahawan, bertujuan menimbulkan kesedaran dan minat melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup dalam kalangan penduduk setempat.

Pembentukan jawatankuasanya melibatkan anggota K1M, pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS), pengusaha industri ternakan, pengusaha industri pertanian, pengusaha inap desa, pengusaha industri kraftangan dan usahawan lain yang berkaitan.

Bidang tugasnya ialah mengenal pasti pengusaha IKS setempat, menggalakkan penglibatan pengusaha kecil-kecilan dalam IKS, membantu melaksanakan aktiviti yang

berkaitan dengan sosioekonomi seperti promosi produk tempatan, lawatan ke institusi seperti Mardi, Fama dan agensi kerajaan lain yang berkaitan, membantu mendapatkan khidmat nasihat dan teknikal dari agensi kerajaan yang berkenaan.

Rakan IT pula bagi menggalakkan rakyat berkongsi maklumat bagi melahirkan masyarakat berilmu dan berperanan memberikan maklum balas, di mana pembentukan jawatankuasanya terdiri daripada anggota K1M, pegawai perpustakaan desa, tenaga pengajar pusat jalur lebar, guru sekolah, pengusaha ICT seperti telefon bimbit dan kafe siber serta penulis blog.

Bidang tugas meliputi mengenal pasti isu-isu setempat, memberi maklum balas dengan kadar segera ke atas isu-isu yang dikenal pasti, membantu melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan perkongsian maklumat seperti penembusan jalur lebar, ceramah berteraskan perlembagaan, Rukun Negara dan 1Malaysia, pidato 1Malaysia, jalinan mesra antara K1M, dan pameran agensi kerajaan.

RAKAN BUDAYA

Rakan Budaya bertujuan membantu mengenal pasti dan mengekalkan warisan seni budaya negara melalui nilai-nilai murni dan semangat kerjasama dalam kalangan penduduk.

Pembentukan jawatankuasanya melibatkan K1M, persatuan seni dan kebudayaan, persatuan seni bela diri, kumpulan nasyid/marhaban dan pengusaha serta penggiat permainan tradisional.

Bidang tugas termasuk mengenal pasti kebudayaan dan kesenian setempat yang berpotensi untuk diketengahkan, membantu melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan kesenian dan kebudayaan seperti pertandingan/demonstrasi permainan tradisional, seni bela diri tradisional setempat, sukan rakyat tradisional, kesenian dan kebudayaan komuniti setempat serta demonstrasi masakan tradisional.

Rakan Harmoni ialah bagi memupuk dan memperkukuh nilai-nilai semangat kejiranan, kerjasama, hormat-menghormati, permuafakatan dan penerimaan antara pelbagai kaum dan fahaman agama.

Jawatankuasanya terdiri daripada K1M, ketua-ketua rumah ibadat, pengerusi persatuan penduduk, pengerusi JKKK dan persatuan persatuan kaum/agama.

Antara bidang tugas ialah membantu melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan penerapan nilai-nilai kejiranan, kerjasama, hormat-menghormati, permuafakatan dan penerimaan pelbagai kaum dan fahaman agama seperti hari komuniti (Hari Keluarga), sambutan hari perayaan, pemimpin bersama rakyat, program keagamaan, forum rakyat, kenduri komuniti (kenduri kampung), gotong-royong dan khidmat komuniti.

TIGA PENDEKATAN UTAMA

Ramli berkata bagi melaksanakan program dalam K1M, terdapat tiga pendekatan utama mengikut skala yang akan digunakan; program berskala besar yang dikenali sebagai Program Harmoni Komuniti 1Malaysia.

Ia dilaksanakan di peringkat negeri dengan menggabungkan keseluruhan K1M negeri, dengan sasaran bagi program ini melebihi 5,000 penglibatan rakyat pelbagai kaum. Antara aktiviti berskala besarnya ialah festival, ekspo, karnival K1M.

Peringkat daerah melibatkan program berskala sederhana yang dikenali sebagai Sepakat Komuniti 1Malaysia dengan menggabungkan keseluruhan K1M di dalam daerah itu.

Sasaran bagi program ini melebihi 2,000 penglibatan rakyat pelbagai kaum dan antara aktivitiya ialah ekspo, pameran dan festival.

Peringkat komuniti pula melibatkan program berskala kecil iaitu Info Komuniti 1Malaysia dengan sasaran antara 300 dan 500 penglibatan rakyat pelbagai kaum. Antara aktivitiya ialah pameran, sukan rakyat, kenduri kampung dan persembahan kebudayaan.

Aktiviti lain dalam komuniti ialah lawatan sambil belajar, aktiviti berbentuk keagamaan, perayaan, aktiviti kenegaraan, aktiviti kebudayaan, aktiviti pendidikan dan aktiviti lain yang bersesuaian.

PERANAN K1M DIPERKASA

Sementara itu, Pengerusi Permuafakatan Komuniti 1Malaysia Negeri Kelantan Alias Che Othman berkata peranan yang dimainkan 98 K1M Kelantan, akan diperkasa melalui pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan.

Beliau berkata aktiviti yang dianjurkan sebelum ini mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat akar umbi di mana perbezaan fahaman politik tidak menghalang mereka untuk bersatu menjayakan aktiviti yang dirancang.

"Komuniti 1Malaysia adalah medan terbaik untuk menerangkan dasar-dasar kerajaan serta isu-isu semasa kepada masyarakat, umpamanya kita menggunakan persembahan dikir barat yang diminati rakyat Kelantan, sebagai platform bagi tujuan itu," katanya.

Sehubungan itu, Alias berkata dengan transformasi Komuniti 1Malaysia ini, diharapkan agar matlamat Gagasan 1Malaysia dapat dicapai melalui penglibatan pelbagai kaum dan etnik di seluruh Kelantan di dalam setiap aktiviti, seterusnya mengekalkan perpaduan dalam kepelbagaian kaum.

-- BERNAMA

-- BERNAMA

© 2012 BERNAMA.

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663300>